



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

6 MAC 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 1,515 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 352,089 kes. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di Kota Kinabalu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembah ialah 4,108 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 313,028 orang. Manakala 1,381 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 901 orang di hospital, 461 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 17 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara dan dua (2) orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 55 orang merangkumi 46 di ICU/repurposed kritikal care serta sembilan (9) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan 24 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada Perubahan zon dicatatkan.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah.

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian bagi negeri Sabah meneruskan trend penurunan. Hari ini jumlah kes baharu ialah 1,515 kes, 263 lebih rendah daripada semalam.
- b. Kota Kinabalu kekal menjadi penyumbang utama kes-kes baharu di Sabah dengan 479 kes (-32) diikuti oleh Tuaran 133 kes (-35) dan Penampang 103 kes (-103). Daerah-daerah lain mencatatkan kes baharu dua (2) angka kecuali Semporna enam (6) kes, Kunak empat (4) kes dan Kalabakan satu (1) kes. Terdapat pertambahan kes baharu di 10 daerah dengan Tambunan merekodkan pertambahan 25 kes. Selain daripada Penampang yang merekodkan penurunan kes yang tertinggi (-103), Beaufort juga mencatat penurunan yang agak besar dengan -54 berbanding sebelumnya.
- c. Penurunan jumlah kes-kes baharu secara keseluruhan tidak harus melalaikan masyarakat daripada mematuhi semua SOP yang berkuatkuasa. Trend menurun boleh dengan cepat bertukar sebaliknya, apatah lagi dengan mengambil kira peratusan jangkitan sporadik kekal tinggi, iaitu 62.71% daripada semua kes hari ini. Trend menurun hanya boleh bertahan sekiranya semua kita mematuhi secara konsisten semua SOP dan saranan KKM.
- d. Sebanyak 1,498 atau 98.88% daripada 1,515 kes hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, lima (5) kes dalam Kategori 3, tujuh (7) kes dalam Kategori 4 dan lima (5) kes dalam Kategori 5.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	389	25.68%
3	Bergejala	950	62.71%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	176	11.61%
JUMLAH		1,515	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (5 Mac 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 05/03/2022	Catatan Kes 06/03/2022	Perbandingan
1	Tambunan	16	41	+25
2	Kudat	11	32	+21
3	Kuala Penyu	26	45	+19
4	Putatan	15	28	+13
5	Kota Marudu	54	64	+10
6	Ranau	24	30	+6
7	Pitas	17	23	+6
8	Kinabatangan	9	12	+3
3	Telupid	10	12	+2
10	Nabawan	17	18	+1
11	Beluran	18	18	Mendatar
12	Semporna	6	6	Mendatar
13	Kunak	4	4	Mendatar
14	Penampang	206	103	-103
15	Beaufort	86	32	-54
16	Tuaran	168	133	-35
17	Kota Belud	83	49	-34
18	Kota Kinabalu	511	479	-32
19	Tawau	91	68	-23
20	Sipitang	59	37	-22
21	Lahad Datu	46	24	-22
22	Sandakan	54	43	-11
23	Kalabakan	12	1	-11
24	Papar	97	87	-10
25	Tongod	20	12	-8
26	Tenom	41	38	-3
27	Keningau	77	76	-1
JUMLAH		1,778	1,515	-263

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	79	340	0	60	479	12,895
Tuaran	0	54	62	0	17	133	3,633
Penampang	0	36	63	0	4	103	4,129
Papar	0	27	53	0	7	87	3,091
Keningau	0	22	40	0	14	76	1,746
Tawau	0	5	52	0	11	68	2,140
Kota Marudu	0	33	27	0	4	64	1,032
Kota Belud	0	14	29	0	6	49	1,802
Kuala Penyu	0	29	16	0	0	45	701
Sandakan	0	4	37	0	2	43	1,439
Tambunan	0	17	22	0	2	41	580
Tenom	0	9	25	0	4	38	925
Sipitang	0	22	12	0	3	37	732
Beaufort	0	6	23	0	3	32	1,664
Kudat	0	4	27	0	1	32	358
Ranau	0	2	16	0	12	30	810
Putatan	0	1	26	0	1	28	2,039
Lahad Datu	0	0	17	0	7	24	919
Pitas	0	1	16	0	6	23	420
Nabawan	0	5	9	0	4	18	403
Beluran	0	9	9	0	0	18	394
Kinabatangan	0	5	6	0	1	12	242
Tongod	0	0	12	0	0	12	315
Telupid	0	5	4	0	3	12	386
Semporna	0	0	3	0	3	6	120
Kunak	0	0	3	0	1	4	238
Kalabakan	0	0	1	0	0	1	100
JUMLAH	0	389	950	0	176	1,515	43,253

- 6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.
- 7 Jumlah kapasiti katil 3,970 unit
- Hospital 1,763 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,967 unit.
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
 - Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 34.79%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 6 MAC 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	1,505
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	3
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	0
Orang Dalam Tahanan /Banduan	7
Jumlah	1,515

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Belanda	1
Indonesia	2
Jumlah	3

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	1,451
Bukan Malaysia	64
Jumlah	1,515

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	100
Belum Menerima Vaksin (5-11)	69
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	87
Menerima 1 Dos	34
Lengkap 2 Dos	728
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	497
Jumlah	1,515

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	29
1-4	71
5 -11	92
12-17	53
18-29	361
30-39	397
40-49	190
50-59	150
60-69	99
70-79	52
80-89	19
>90	2
Jumlah	1,515

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 5 Mac 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 16,321 orang. Daripada jumlah ini, seramai 12,718 orang adalah penduduk dewasa, 142 orang adalah penduduk remaja 3,461 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 2 setakat 5 Mac 2022 adalah seramai 2,520,337 orang. Ini meliputi 2,119,811 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.03% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,414,148 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,100,319 orang atau 77.31% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 339,266 orang atau 79.60% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 313,828 atau 73.63% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 61,260 atau 14.89% orang telah menerima 1 dos vaksin manakala penduduk kanak-kanak yang telah lengkap dos vaksin ialah 1 atau 0.00% orang.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **683,701** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Selbanyak tiga (3) kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan oleh PDRM seluruh Sabah.
 - Tiga (3) Orang : Individu Gagal Memakai Pelitup Muka.
- 2 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 210 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 52 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan dua (2) tangkapan dibuat di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (MSO1952) dan Akta Kawalan Bekalan 1961.
- 3 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,247 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan pada hari ini.
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 227 premis perniagaan dan 300 individu di 18 kawasan. /Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan ke atas premis atau individu oleh DBKK.
- 4 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 59 Premis Perniagaan melibatkan 24 anggota APM.
- 5 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 129 anggota.

- 6 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di tiga (3) premis, melibatkan tiga (3) buah BBP pada hari ini.
- 7 Sejumlah 240 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di 10 daerah pada hari ini.
- 8 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 540 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.2%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Kunak	98.6%
2	Keningau	98.5%
3	Beluran	98.5%
4	Semporna	98.4%
5	Kinabatangan	98.4%
6	Tenom	98.4%
7	Kota Marudu	98.2%
8	Beaufort	98.1%
9	Kota Kinabalu	98.1%
10	Kota Belud	98.1%
11	Kudat	98.1%
12	Lahad Datu	98%
13	Ranau	98%
14	Sandakan	98%
15	Penampang	97.9%
16	Papar	97.9%
17	Tawau	97.9%
18	Sipitang	97.9%
19	Tuaran	97.8%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II**